

Keistimewaan Bumiputera tak halang pelaburan

PENGALAMAN dan ketegasannya, membuatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, menjadi antara menteri kanan Malaysia paling disegani, malah wartawan terutama dari luar negara sering kelihatan mati akal apabila berhadapan dengannya.

Sidang akhbar pada hari terakhir Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) kelmarin, adalah antara paling menarik apabila cubaan wartawan asing mempertikaikan dasar Malaysia yang terus memberi hak keistimewaan kepada Bumiputera yang didakwa mereka tidak selari dengan perkembangan demokrasi dan globalisasi yang melanda dunia hari ini.

"Mengapa perlu hipokrit. Ini adalah dasar kerajaan negara ini yang perlu berhadapan dengan rakyat tempatan terlebih dulu. Sama ada orang suka atau tidak, ini adalah urusan kami dan bagi Malaysia isu membabitkan hak keistimewaan Bumiputera adalah penting untuk keadilan.

"Jika warga Asean tidak stabil, Asean sendiri tidak akan stabil. Kita tidak boleh bercakap mengenai retorik lagi, kerana ini adalah hakikat kehidupan," tegasnya lantas menjelaskan mengenai dasar kerajaan dalam mencipta keseimbangan ekonomi antara kaum di negara ini.

Rafidah menegaskan, walaupun Bumiputera dikatakan menerima layanan istimewa, ia kini semakin menipis berikutan pengukuhan sistem meritokrasi, persaingan perdagangan yang semakin serius dan arus globalisasi yang semakin pantas.

Bukan hanya Malaysia mengamal dasar sama, malahan mana-mana negara dunia termasuk negara Asean lain turut melaksanakan dasar sama kerana akhirnya kerajaan akan mementingkan pengundi mereka, bukan pendatang dari luar.

Bagaimanapun katanya, layanan istimewa itu tidak pernah menyekat mana-mana negara Asean termasuk Malaysia daripada terus berkembang, malah kestabilan politik yang terhasil daripada dasar kerajaan membuatkan semakin ramai pelabur asing

INTIPATI

Penjelasan Rafidah mengenai isu hak keistimewaan Bumiputera

- Sama ada orang suka atau tidak, ini adalah urusan kami dan bagi Malaysia isu membabitkan hak keistimewaan Bumiputera adalah penting untuk keadilan.
- Layanan istimewa tidak pernah menyekat Malaysia untuk terus berkembang, malah kestabilan politik yang terhasil daripada dasar kerajaan membuatkan semakin ramai pelabur asing bertumpu di Malaysia.
- Mana-mana syarikat asing yang datang ke Malaysia mengetahui dasar membabitkan ekuiti untuk Bumiputera kami. Jika mereka sedia untuk datang, mereka boleh datang. Jika tidak, mereka tidak perlu melabur ke sini.

menjadikan Malaysia dan negara lain di rantau ini sebagai tumpuan utama.

"Dasar membabitkan Bumiputera bukan menjadi penghalang. Apa yang jelas bagi Malaysia, mana-mana negara atau syarikat asing yang datang ke Malaysia memang mengetahui dasar membabitkan ekuiti untuk Bumiputera kami. Jika mereka sedia untuk datang, mereka boleh datang. Jika tidak, mereka tidak perlu melabur ke sini," katanya tegas.

Ketegasan Rafidah memang kena pada masanya kerana terlalu banyak kritikan dibuat wartawan asing mengenai dasar kerajaan yang dianggap tidak adil, tanpa mengkaji dan meneliti sejarah sesebuah negara itu.

Malaysia dan Asean sebelum persatuan ini menjadi gagasan serantau yang mantap, tidak ada siapa yang memberi tumpuan sehinggalah ia berkembang menjadi rantau yang maju, moden dan menjanjikan pulangan pelaburan yang lumayan.

Kerjasama Asean yang semakin mantap terutama selepas disertai negara kuat Asia lain seperti Jepun, China dan Korea Selatan dan diperkukuhkan dengan rakan dialog termasuk Amerika Syarikat, Australia, India dan New Zealand, membuat rantau ini semakin menjadi fokus dunia.

Daripada persatuan serantau biasa tanpa memiliki sebarang urusan perdagangan dan pelaburan menarik, kepada sebuah rantau paling sibuk di pentas dunia. Pergerakan yang semakin tersusun, kini dijangka semakin pantas apabila jadual asal untuk mencapai satu komuniti Asean menjelang 2020 kini dipercepatkan kepada 2015.

Ramai pemerhati agak waspada dengan tindakan menganjukkan tarikh untuk mencapai wawasan satu komuniti Asean, malahan Pengerusi Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG), Tun Musa Hitam sendiri menyifatkan keputusan itu sebagai 'bercita-cita besar dan sungguh berani'.

Namun, sebagai antara orang yang bertanggungjawab menyediakan cadangan bagi mewujudkan satu Piagam Asean, Musa berasakan betapa ia sekali gus mencerminkan kesungguhan semua kerajaan anggota Asean untuk merealisasikan impian mewujudkan satu warga Asean.

"Apa yang penting bagi EPG ialah bagaimana Asean mencapai hasrat mempercepatkan jadual terbabit dalam situasi politik Asean yang pelbagai sekarang.

"Keputusan mempercepatkan jadual itu akan membabitkan banyak perkara termasuk proses membuat keputusan, pelaksanaan semua program, pemantauan dan paling penting ialah sama ada semua mekanisme untuk melaksanakan semua program yang ada sudah ada atau pun tidak," kata tokoh yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia ini.

Justeru, menjadi tugas EPG untuk mem-

beri penilaian sebenar kerana Musa ternyata gembira apabila menteri ekonomi yang bermesyuarat kelmarin meluahkan supaya kumpulannya membuat cadangan bukan berasaskan apa yang mereka kehendaki, tetapi apa yang terbaik bagi memastikan matlamat 2015 dapat dicapai.

"Kami diarah membuat cadangan yang lantang dan berwawasan. Kami juga diberitahu jangan bimbang dengan apa yang difikir kerajaan, tetapi luah apa yang kami fikir terbaik bagi rantau ini.

"Sama ada mereka menerima atau tidak cadangan kami, itu hak mereka. Sebagai tokoh terkemuka dan juga sebagai 'orang tua', mungkin mereka akan mendengar cakap kami," katanya berseloroh tapi mempunyai makna mendalam.

EPG sudah menyelesaikan hampir 75 peratus daripada kajian dan temu bual yang perlu dijalankan. Kumpulan ini akan ke Kemboja bulan depan, kemudian Brunei, sebelum menyerahkan laporan akhir kepada pemimpin Asean pada Sidang Puncak di Cebu, Filipina, Disember depan.

Semua 10 menteri ekonomi Asean menyokong cadangan untuk mempercepatkan penubuhan Komuniti Ekonomi Asean (AEG) kerana ia boleh menyegerakan proses integrasi ekonomi dan membolehkan perdagangan serantau berkembang tanpa menghadapi banyak rintangan.

Apa yang jelas ialah kewujudan AEC akan menawarkan pedagang dari rantau ini serta dari luar, akses pasaran yang luas dan mudah, serta peluang lebih besar untuk sektor perkhidmatan dan pelaburan negara serantau.

Walaupun ada suara sumbang negara miskin terutama di kalangan negara CLMV (Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam) berasa terganggu dan tertekan dengan perubahan jadual AEC, seperti kata Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong, "Seperti kata mereka (semua menteri ekonomi CLMV), buat sajalah. Cara Asean ialah jika setuju, kita bergerak bersama. Bagi CLMV, kami akan membantu mereka".

Oleh Jamhariah Jaafar